



EDISI 13

OKTOBER 2024

# BULETIN APB

*Global  
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Pertingkat Program Advokasi: Kunci Kepada Penyelesaian Isu Sosial Global Pelajar


FAKRULNIZAM BIN JAFRI  
UiTM KAMPUS REMBAU

Permasalahan berlaku dalam kalangan pelajar yang melibatkan sosial semakin menjadi perhatian utama dalam masyarakat. Daripada masalah buli, tekanan akademik, hingga kepada penyalahgunaan media sosial, pelajar menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menjelaskan perkembangan mereka. Untuk menangani isu-isu global ini, penganjuran program advokasi merupakan langkah yang efektif dan perlu diperkasakan. Program advokasi bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada pelajar mengenai pelbagai isu sosial yang mereka hadapi. Melalui program ini, pelajar dapat mempelajari kemahiran hidup yang penting, seperti komunikasi yang berkesan, pengurusan emosi, dan kepimpinan. Peningkatan penganjuran program advokasi di sekolah dapat membantu membina persekitaran yang lebih selamat dan selesa untuk pembelajaran.

## Peranan Sekolah dan Guru

Institusi pendidikan seperti sekolah dan warga pendidik memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan program advokasi. Guru boleh dilatih untuk menjadi fasilitator yang berkesan dalam menyampaikan program ini. Selain itu, kerjasama di antara sekolah dengan agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) juga boleh meningkatkan kualiti dan keberkesaan program yang dijalankan.

Contohnya, program seperti kempen anti-buli, bengkel pengurusan tekanan, dan seminar mengenai keselamatan dalam talian boleh dianjurkan secara berkala. Aktiviti-aktiviti tersebut memberi pendedahan kepada pelajar, tetapi menariknya membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan mencari sokongan dalam kalangan rakan sebaya.



Gambar 1: Poster "Hentikan buli! Saya ingin belajar"

## Keluarga dan Komuniti

Penglibatan institusi keluarga dan komuniti juga sangat penting dalam penganjuran program advokasi. Ibu bapa perlu diberi pendedahan awal melalui pengetahuan asas serta kemahiran bagi mengenal pasti sebarang petanda awal masalah sosial dalam kalangan anak-anak mereka. Kewujudan sinergi mantap di antara ibu bapa, guru, dan pihak sekolah membuatkan pelajar berasa lebih disokong dan dijaga.

Selain itu, komuniti turut memainkan peranan penting dalam persiapan menyediakan platform dan sumber untuk sebarang program advokasi mengenai isu sosial melibatkan pelajar. Contohnya, pusat komuniti boleh dijadikan tempat untuk mengadakan ceramah atau aktiviti sokongan bagi pelajar dan keluarga mereka.

## Manfaat Jangka Panjang

Selain memberi manfaat segera kepada pelajar, peningkatan penganjuran program advokasi turut memberikan kesan jangka panjang kepada masyarakat. Pelajar yang mendapat pendidikan dan sokongan yang mencukupi akan membesar menjadi individu yang bertanggungjawab dan berdaya tahan.



Mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran hidup dan memberi sumbangan positif kepada masyarakat. Secara keseluruhan, usaha untuk meningkatkan penganjuran program advokasi di sekolah adalah langkah yang penting dan perlu diberi perhatian serius. Dengan kerjasama semua pihak, ia dapat mengurangkan isu sosial dalam kalangan pelajar sekolah dan mewujudkan generasi yang lebih cemerlang dan bermoral tinggi. Usaha individu dan masyarakat dalam membendung isu sosial dan pendidikan yang meluas perlu dilaksanakan di seluruh negara.

Umpamanya, idea dan inisiatif penganjuran program berbentuk advokasi dalam kalangan pelajar sekolah dan ibu bapa yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Melaka menerusi pelbagai agensi berkaitan dalam usaha mengurangkan isu atau kes sosial melibatkan pelajar sekolah di negeri itu harus dihargai.

## Kesimpulan

Di Malaysia, isu sosial dalam kalangan pelajar semakin menjadi perhatian utama. Masalah seperti buli, tekanan akademik, ketagihan internet, dan masalah kesihatan mental adalah antara cabaran yang sering dihadapi oleh pelajar. Oleh itu, peningkatan program advokasi dilihat sebagai satu pendekatan yang berkesan untuk menangani isu-isu ini dan memastikan pelajar dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera dan produktif. Program advokasi adalah alat yang berkesan untuk menangani pelbagai isu sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Peningkatan penganjurannya memerlukan kerjasama semua pihak termasuk sekolah, guru, ibu bapa, dan komuniti.



## Rujukan

CrazyDiva. I want to study. (20 Julai 2024), *iStock Online*, <https://www.istockphoto.com>.

Melaka tingkatkan penganjuran program advokasi, kurangkan isu sosial pelajar sekolah. (4 Julai 2024). *BERNAMA Online*  
<http://bernama.com>.

